

## Menimba faedah dari 'transnasional'

MEMANG banyak keburukan yang boleh ditimbulkan oleh syarikat-syarikat raksaksa antarabangsa (transnasional) terutama di negara-negara membangun. Kerana motif utamanya ialah mencari sebanyak mungkin keuntungan, mereka boleh menggunakan kemampuan kewangan dan pengarah yang besar untuk memanipulasi negara tempatnya bertapak itu. Syarikat-syarikat raksaksa ini boleh menganepikan sumber-sumber tempatan, membayar gaji yang murah kepada pekerja, memindahkan keuntungan dan pusat keuntungan ke tempat lain, malah mempengaruhi dasar sesebuah negara.

Sesungguhnya, seperti dijelaskan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, segalanya ini amat disedari oleh Kerajaan. Bagaimanapun Malaysia tetap dan akan terus mempelawa syarikat-syarikat transnasional ini bertapak ke sini kerana faedah-faedah yang lebih besar yang boleh diberikannya kepada negara dan rakyat. Dalam konteks Malaysia syarikat-syarikat transnasional ini adalah sumber utama pengaliran masuk modal asing yang sangat diperlukan itu.

Kewujudan syarikat-syarikat seumpama itu di sini juga membukakan peluang pekerjaan yang banyak bagi rakyat, yang sebenarnya tidak mampu disediakan sepenuhnya oleh sumber-sumber dalam negeri saja. Selain itu ia juga adalah satu cara rakyat negara ini dapat mempelajari teknologi perindustrian tarmoden.

Bagaimanapun bahaya itu masih tetap wujud. Satu cara mengelakkan diri dari terjebak ialah dengan menyedari dan mengetahui sedalam-dalamnya bahaya-bahaya yang boleh ditimbulkannya itu sendiri, seperti yang ada pada Kerajaan sekarang. Selain itu ialah mempelajari perjalanan syarikat-syarikat itu sendiri, cara-caranya mengeksploitasi sumber dan keadaan tempatan, kesan-kesannya terhadap perkembangan sosio-ekonomi kita serta juga kelemahan-kelemahannya.

Segala perkara ini mestilah difahami sedalam-dalamnya oleh semua peringkat pegawai yang berurusan dengan syarikat-syarikat itu baik dalam jabatan-jabatan Kerajaan mahupun agensi-agensinya. Cuma dengan barisan para pentadbir yang sudah diperlengkap dengan senjata inillah baru negara benar-benar dapat menimba faedah sebesar-sebesarnya dari syarikat-syarikat transnasional itu dan mengelakkan sebarang keburukannya. Dan, inilah pula yang memang sedang dilakukan oleh Kerajaan. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) mempunyai sebuah pusat penyelidikannya sendiri dalam hal ini yang juga bertanggungjawab melengkapkan pegawai-pegawai kanan Kerajaan dengan segala pengetahuan yang penting itu.